

03 FEB 2000

Sukan-Badminton

HINDARKAN DIRI DARIPADA PERKARA REMEH-TEMEH, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Hanya tinggal 98 hari sahaja lagi Malaysia akan menganjurkan kejohanan badminton Piala Thomas/Uber yang bakal diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini dari 11-21 Mei depan.

Sehubungan itu Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein hari ini mengingatkan para pemain negara supaya memberikan tumpuan sepenuhnya kepada latihan dan menghindarkan diri daripada terlibat dengan perkara remeh-temeh yang boleh mengganggu persiapan skuad negara.

"Dalam tempoh tiga bulan ini saya meminta pemain-pemain kita menjaga diri dengan baik dalam semua aspek, khususnya dari segi kesihatan dan kecederaan," katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran Logo, Maskot dan Skuad Kebangsaan ke kejohanan Piala Thomas/Uber di sini, hari ini.

Berpandukan iktibar yang diperolehi daripada kemelut yang melanda Persatuan Boling Tenpin Malaysia (MTBC) baru-baru ini, Hishammuddin berkata kejadian itu telah memberi kesan kepada semangat serta moral pemain khususnya sukan tersebut.

Dengan itu para pemain seharusnya memberikan komitmen yang penuh jika berhasrat membawa pulang Piala Thomas ke negara ini, katanya.

"Tempoh tiga setengah bulan bukannya panjang. Untuk itu hindarkan diri daripada apa jua masalah lain dan tumpukan perhatian kepada usaha meningkatkan mutu permainan," katanya.

Pesanan itu turut dilaungkan oleh penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali yang turut hadir untuk melancarkan majlis tersebut.

"Saya berharap para pemain akan bersiap secukup-cukupny demi memastikan kita berada di prestasi terbaik apabila bermulanya kejohanan ini," kata Siti Hasmah, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya beliau akan mengadakan lawatan untuk melihat persiapan skuad negara dan menghadiri perlawanan-perlawanan yang melibatkan skuad negara.

Kali terakhir Malaysia menjuarai Piala Thomas ialah pada 1992, iaitu ketika Kuala Lumpur menjadi tuan rumah, selepas itu skuad negara tumbang di tangan Indonesia pada perlawanan akhir 1994 dan 1998.

Tahun 1996 mencatat sejarah hitam dalam penyertaan Malaysia ke kejohanan itu apabila gagal mara ke separuh akhir.

Pada majlis tersebut, Siti Hasmah telah melancarkan logo serta maskot Piala Thomas/Uber 2000.

Maskot yang berupa seekor lebah melambangkan kekuatan skuad negara yang mampu menumbangkan setiap lawan yang bakal dihadapi ketika kejohanan itu.

Menurut Presiden BAM, Datuk Abdullah Fadzil Che Wan, pihaknya masih belum menamakan maskot tersebut, oleh itu pihaknya akan mengadakan pertandingan mencari nama maskot yang akan dilancarkan pada 10 Feb depan.

"Pelancaran pertandingan itu akan diadakan sempena majlis Kempen Malaysia yang akan diadakan di Langkawi. Kita mahu semua rakyat negara ini terlibat dalam menjayakan kejohanan kali ini," katanya.

-- BERNAMA

ZMA zb